



PELAN PENGURUSAN RISIKO 2022-2025

**Laporan Penilaian Risiko dan
Strategi Kawalan**

KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI (KPK)

ISI KANDUNGAN

1. PENGENALAN	1
2. PUNCA KUASA	2
3. POLISI PENGURUSAN RISIKO KPK	3
3.1 Latar Belakang KPK	
3.1.1 Carta Organisasi KPK.....	4
3.1.2 Objektif, Visi dan Misi KPK.....	5
3.1.3 Pemegang Taruh, Rakan Strategik dan Pelanggan KPK.....	6
3.1.4 Teras Strategik KPK.....	7
3.2 Risiko dan Pengurusan Risiko Mengikut Konteks KPK	
3.2.1 Definisi Risiko KPK	8
3.2.2 Definisi Pengurusan Risiko KPK	8
3.2.3 Objektif Pengurusan Risiko.....	8
3.3 Model Pengurusan Risiko.....	9
3.4 Indeks Kebarangkalian Risiko	13
3.5 Indeks Impak Risiko	14
3.6 Penilaian Tahap Risiko (Matriks Skala Risiko).....	15
3.7 Kategori Tahap Risiko dan Had Penerimaan Tahap Risiko.....	16
3.8 Strategi Kawalan Risiko.....	17
3.9 Struktur Tadbir Urus Pengurusan Risiko dan Peranan	18
4. PENILAIAN RISIKO DI KPK.....	22
4.1 Senarai Insiden Risiko	22
4.2 Jadual Penilaian Risiko	25
4.3 Jadual Strategi Kawalan Risiko	45
4.4 Analisis Status Risiko Kementerian Perladangan dan Komoditi	50
PENUTUP	51

1. PENGENALAN

“Kementerian, jabatan dan agensi hendaklah mengamalkan teknik-teknik pengurusan risiko sebelum melaksanakan sesuatu projek atau program terutamanya yang berisiko tinggi untuk meminimakan risiko semasa pelaksanaannya”

***(Arahan YAB Perdana Menteri
No. 1 Tahun 2009)***

Pelan Pengurusan Risiko mengandungi laporan penilaian risiko dan strategi-strategi terbaik untuk mengurangkan risiko pelaksanaan dan keberhasilan sesuatu projek atau program yang telah dirancang.

Dokumen ini akan mengenal pasti kemungkinan risiko-risiko yang boleh berlaku dan seterusnya merangka langkah-langkah pencegahan atau mitigasi yang sesuai.

Sebagai sebuah Kementerian yang mentadbir dasar pembangunan industri Agrikomoditi yang merupakan antara penyumbang utama ekonomi Negara, usaha untuk mengenal pasti dan memantau risiko-risiko yang berpotensi menjelaskan industri komoditi adalah amat kritikal.

Memandangkan pengurusan risiko adalah elemen penting dalam pengurusan sesebuah organisasi, maka Pelan Pengurusan Risiko Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) yang efektif perlu dihasilkan. Pelaksanaan dan pematuhan kepada pelan pengurusan risiko ini dijangka dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian Kementerian yang seterusnya dapat membawa ekonomi Agrikomoditi Negara ke tahap yang lebih baik.

2. PUNCA KUASA

Pembangunan Pelan Pengurusan Risiko KPK adalah berdasarkan kepada punca kuasa seperti berikut:

- i) Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2009;
- ii) Garis Panduan Bagi Mempertingkatkan Tadbir Urus Dalam Sektor Awam, 2007; dan
- iii) Surat Arahan Ketua Setiausaha Negara bertarikh 9 Mac 2007.

3. POLISI PENGURUSAN RISIKO KPK

3.1 Latar Belakang KPK


Objektif utama penubuhan Kementerian Perusahaan Utama (KPU) pada tahun 1972 adalah untuk memajukan industri komoditi yang berupaya memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi Negara. Pada peringkat awal penubuhannya, KPU hanya memberi tumpuan kepada pembangunan dua komoditi utama iaitu bijih timah dan getah. Peranan KPU kemudiannya telah dikembangkan meliputi pembangunan komoditi lain seperti kelapa sawit, koko, perhutanan dan kayu-kayan, mineral, nenas serta tembakau yang didapati turut memberi sumbangan kepada ekonomi Negara.

Pada tahun 2004, KPU telah distrukturkan semula dan dikenali sebagai Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK). Penstrukturkan semula ini melibatkan perubahan bidang tanggungjawab dengan Jemaah Pemasaran Lada Hitam (JPLH) dipindahkan daripada Kementerian Pertanian kepada KPK. Manakala tanggungjawab berkaitan perhutanan, mineral dan geosains dipindahkan ke Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Tanggungjawab utama lain Kementerian masih dikekalkan.

Dalam tempoh tersebut, penjenamaan semula nama Kementerian telah dilaksanakan untuk memberi semangat baru serta mengukuhkan lagi fungsi dan peranan Kementerian. Pada tahun 2012, singkatan nama Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dikenali sebagai MPIC. Pada tahun 2018, nama Kementerian dijenamakan menjadi Kementerian Industri Utama (MPI) dan kembali semula dikenali sebagai Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi pada tahun 2020 dengan singkatan KPPK. Nama Kementerian dipinda lagi pada tahun 2022 kepada Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK).

Enam Agensi di bawah Kementerian bergerak seiring dalam perkembangan Sektor Agrikomoditi. Antaranya,Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Lembaga Getah Malaysia (LGM), Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Lembaga Koko Malaysia (LKM), Lembaga Lada Malaysia (MPB) dan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN). Lima Majlis turut memainkan peranan penting dalam mempromosikan Sektor Agrikomoditi Negara di peringkat tempatan dan juga antarabangsa. Antaranya Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Majlis Getah Malaysia (MRC), Majlis Kayu-Kayan Malaysia (MTC), Majlis Pensijilan Kayu Malaysia (MTCC) dan Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC).

3.1.1 Carta Organisasi KPK



3.1.2 Objektif, Visi dan Misi KPK

OBJEKTIF

Membangun dan memperkasa Agrikomoditi secara mampan dan seimbang dalam aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar serta memastikan kemakmuran dikecapi bersama.

VISI

Memajukan Agrikomoditi demi Kemampunan dan Kemakmuran Bersama.

MISI

Meningkatkan daya saing global Malaysia menerusi produk-produk Agrikomoditi yang bernilai tinggi dan lestari.

3.1.3 Pemegang Taruh, Rakan Strategik dan Pelanggan KPK

Pemegang Taruh

- Perdana Menteri
- Jemaah Menteri
- Menteri Perladangan dan Komoditi
- Timbalan Menteri Perladangan dan Komoditi

Rakan Strategik

- Kementerian/Jabatan/ Agensi
- Agensi antarabangsa
- Media
- Persatuan industri tempatan, badan bukan kerajaan (NGO) dan organisasi antarabangsa
- Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) / Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)

Pelanggan

- Pengusaha industri berdasarkan sawit, getah, kayu-kayan, koko, lada, kenaf, biojisim dan biobahan api
- Industri sawit, getah, kayu-kayan, koko, lada, kenaf, biojisim dan biobahan api
- Estet dan pekebun kecil sawit, getah, kayu-kayan, koko, lada, kenaf, biojisim dan biobahan api
- Orang awam

3.1.4 Teras Strategik KPK

Pelan Strategik Dasar Agrikomoditi Negara 2021-2030 (DAKN2030) telah menggariskan enam Teras utama Kementerian yang menjadi tunjang kepada kejayaan Sektor Agrikomoditi Negara. Penetapan risiko dan potensi risiko adalah berlandaskan kepada enam pernyataan Teras Strategik seperti rajah di bawah:



3.2 Risiko dan Pengurusan Risiko Mengikut Konteks KPK

3.2.1 Definisi Risiko KPK

Kejadian atau insiden yang memberi impak negatif kepada operasi, objektif dan prestasi dalam mencapai DAKN 2030.

3.2.2 Definisi Pengurusan Risiko KPK


Satu pelan pengurusan dan kawalan risiko secara holistik dan berterusan untuk memastikan industri agrikomoditi terus berdaya saing.

3.2.3 Objektif Pengurusan Risiko

Pelan Pengurusan Risiko KPK berperanan untuk memastikan tindakan yang tepat dan pantas diambil oleh semua pihak berwajib di Kementerian untuk mengenal pasti dan menguruskan risiko secara berkesan. Antara objektif utama Pelan Pengurusan Risiko KPK ialah:

- i) mengenal pasti, menilai, mengukur, memantau, mengawal dan menangani risiko;
- ii) mengelak atau mengurangkan risiko kritikal yang memberi kesan ke atas pencapaian perkhidmatan teras, menjelaskan pengurusan kewangan dan ketidakberkesanan pengurusan sumber dikawal secara sistematik;
- iii) merekod hasil analisis ke atas setiap insiden risiko yang telah dikenalpasti secara komprehensif sebagai rujukan Pengurusan Tertinggi dalam memastikan tindakan bersesuaian dapat diambil dengan berkesan; dan
- iv) mengekalkan keyakinan pihak yang berkepentingan dan masyarakat umum terhadap penyampaian Kementerian.

3.3 Model Pengurusan Risiko



Proses penyediaan laporan ini bermula dengan penetapan konteks, diikuti oleh penilaian risiko yang seterusnya membolehkan strategi kawalan risiko dirangka. Sesudah laporan pengurusan risiko selesai, hebahan atau komunikasi dan pemantauan atau semakan polisi pengurusan risiko ini akan dijalankan.

3.3.1 Penetapan Konteks

Objektif utama penetapan konteks adalah untuk menentu dan memahami kedudukan dan kemampuan KPK dalam mencapai Teras Strategik yang digariskan di dalam DAKN 2030. Pada peringkat ini, pengumpulan maklumat mengenai persekitaran, situasi dan isu atau

insiden risiko yang bakal mengganggu gugat pencapaian dasar akan dikaji secara menyeluruh.

3.3.2 Penilaian Risiko

Menilai risiko secara menyeluruh yang melibatkan tiga proses utama:

(i) Mengenal pasti risiko (insiden risiko)

- Mengenal pasti potensi terhadap sebarang risiko yang berkemungkinan dihadapi oleh setiap teras strategik KPK.
- Pengenalpastian risiko boleh dilakukan menerusi dua kaedah iaitu kaedah retrospektif dan prospektif.



(ii) Menganalisis risiko

- Menilai dan menganalisis risiko yang telah dikenal pasti akan berlaku.
- Analisis risiko memberi fokus kepada penilaian ke atas:
 - a) **kebarangkalian** sesuatu peristiwa atau kejadian itu berlaku.
 - b) **kesan atau impak** daripada sesuatu peristiwa atau kejadian.

(iii) Mengkategorikan risiko

- Mengkategorikan dan menentukan tahap risiko yang telah dianalisis.
- Penentuan tahap risiko ini penting bagi membolehkan keputusan dibuat oleh Pengurusan Atasan organisasi, **sama ada sesuatu risiko boleh diterima atau tidak**.

- risiko-risiko yang **tidak boleh diterima** perlu diberi cadangan
Strategi Kawalan.

3.3.3 Strategi Kawalan Risiko

Mengawal risiko adalah mengambil tindakan untuk mengurangkan kebarangkalian atau magnitud impak risiko yang dihadapi oleh KPK melalui pelaksanaan beberapa kaedah strategi kawalan strategi seperti mengelak, memindah, mengurang dan menerima risiko sedia ada.

- **Mengelak risiko (*Avoid*)**

Tidak mengambil / meneruskan aktiviti tersebut.

- **Memindah risiko (*Transfer*)**



Melibatkan pihak lain yang berkongsi secara keseluruhan / sebahagian risiko melalui kontrak, insuran, MOU dan usahasama.

- **Menerima risiko (*Accept*)**

Risiko yang dikenalpasti boleh dihilangkan atau dielak atau tidak ada proses rawatan yang boleh dilakukan.

- **Mengurang risiko (*Reduce*)**

Kurangkan risiko dengan latihan, pengujian, kawalan atau perbaiki sistem pengurusan.



3.3.4 Komunikasi dan Rundingan

Melaksanakan pelan komunikasi dan khidmat rundingan dengan semua pihak yang terlibat dan berkepentingan di semua peringkat. Komunikasi dan rundingan dalam pengurusan risiko penting bagi:

- Melaksanakan Pelan Pengurusan Risiko yang telah dibangunkan;
- Mendokumentasikan semua mesyuarat dan perbincangan dengan *stakeholders*;
- Mengkomunikasikan Pelan Pengurusan Risiko kepada warga KPK;

- Meningkatkan kesedaran dalam kalangan warga organisasi berkenaan Pelan Pengurusan Risiko; dan
- Menyalurkan maklumat terkini berhubung Pelan Pengurusan Risiko.

3.3.5 Pemantauan dan Semakan Semula

Memantau dan mengkaji semula risiko yang dikenal pasti secara menyeluruh bagi melaksanakan penambahbaikan secara berterusan.

3.4 Indeks Kebarangkalian Risiko

Indeks **Kebarangkalian** Risiko merupakan indikator yang akan menunjukkan serta menerangkan kadar sesuatu kejadian risiko itu berlaku di sesebuah agensi. Takrifan skala penarafan bagi Indeks Kebarangkalian Risiko adalah seperti berikut:

SKALA PENARAFAN	KETERANGAN
5 HAMPIR PASTI	Sesuatu kejadian yang kerap/ hampir pasti berlaku – sekali dalam sebulan
4 KEMUNGKINAN TINGGI	Sesuatu kejadian yang besar kemungkinan berlaku – sekali setiap 6 bulan
3 ADA KEMUNGKINAN	Sesuatu kejadian yang mungkin berlaku – sekali setahun
2 KEMUNGKINAN RENDAH	Sesuatu kejadian yang rendah kemungkinan berlaku – sekali dalam setiap 3 tahun
1 JARANG	Sesuatu kejadian yang jarang berlaku – sekali melebihi 3 tahun

3.5 Indeks Impak Risiko

Indeks Impak menjelaskan skala bagi mengukur tahap penerimaan risiko di sesebuah agensi yang meliputi empat aspek utama iaitu **Manusia, Reputasi, Kewangan dan Operasi.**

Indeks **Impak** yang digunakan dalam penilaian risiko KPK adalah seperti berikut:

SKALA/ DIMENSI	SANGAT KECIL 1 Memberi kesan terhadap individu di KPK	KECIL 2 Memberi kesan terhadap Bahagian di KPK	SEDERHANA 3 Memberi kesan Terhadap Agensi Pelaksana di bawah KPK	BESAR 4 Memberi kesan terhadap KPK	SANGAT BESAR 5 Memberi kesan terhadap Perkhidmatan Awam
MANUSIA	Memberi kesan terhadap rakyat/ Industri di seluruh Kampung	Memberi kesan terhadap rakyat/ Industri di seluruh Daerah/Parlimen	Memberi kesan terhadap rakyat/ Industri di seluruh Negeri	Memberi kesan terhadap rakyat/ Industri di seluruh Negara	Memberi kesan terhadap rakyat/ industri di peringkat Antarabangsa
REPUTASI	Reputasi terjejas dan menimbulkan rasa tidak puas hati orang perseorangan	Reputasi terjejas dan menimbulkan rasa tidak puas hati kumpulan/ organisasi	Reputasi terjejas dan menimbulkan kritikan orang awam/komuniti	Reputasi terjejas sehingga mendapat liputan media	Reputasi terjejas sehingga pemegang taruh/pelanggan hilang Keyakinan kepada KPK
KEWANGAN	Penerimaan bajet tahunan KPK kurang 2% daripada permohonan	Penerimaan bajet tahunan KPK kurang 3% daripada permohonan	Penerimaan bajet tahunan KPK kurang 4% daripada permohonan	Penerimaan bajet tahunan KPK kurang 5% daripada permohonan	Penerimaan bajet tahunan KPK kurang 6%-10% daripada permohonan
OPERASI	Penyampaian perkhidmatan lewat tetapi masih boleh disempurnakan (1-2 hari)	Penyampaian perkhidmatan lewat tetapi masih boleh disempurnakan (3-7 hari)	Penyampaian perkhidmatan lewat tetapi masih boleh disempurnakan (>7 hari)	Penyampaian perkhidmatan lewat tetapi masih boleh disempurnakan (>14 hari)	Penyampaian perkhidmatan tidak dapat disempurnakan

3.6 Penilaian Tahap Risiko

		IMPAK				
		TIADA KESAN	KECIL	SEDERHANA	BESAR	SANGAT BESAR
		1	2	3	4	5
5	HAMPIR PASTI	5	10	15	20	25
4	KEMUNGKINAN TINGGI	4	8	12	16	20
3	ADA KEMUNGKINAN	3	6	9	12	15
2	KEMUNGKINAN RENDAH	2	4	6	8	10
1	JARANG	1	2	3	4	5

Matrik Skala Risiko dihasilkan berdasarkan kepada **kebarangkalian** risiko berlaku dan tahap **impak** sesuatu risiko ke atas keberhasilan sesuatu program atau projek. Semakin tinggi kebarangkalian insiden berlaku dan semakin tinggi impak negatif risiko kepada keberhasilan program atau projek, maka semakin tinggi tahap atau skala risikonya. Hasil darab kebarangkalian dan impak akan menentukan skala risiko ini. Semakin tinggi hasil darab kebarangkalian dan impak risiko, maka semakin tinggi tahap risiko tersebut. Formula pengiraan Tahap Risiko adalah seperti berikut:

$$\text{Skala Tahap Risiko} = \text{Kebarangkalian} \times \text{Impak}$$

3.7 Kategori Tahap Risiko dan Had Penerimaan Tahap Risiko

TAHAP RISIKO	SKALA TAHAP RISIKO	PENERANGAN TAHAP RISIKO
EXTREME	13 - 25	Risiko SANGAT TINGGI – pelan tindakan terperinci diperlukan
HIGH	9 - 12	Risiko TINGGI – diberi perhatian oleh Pengurusan Atasan KPK
MEDIUM	4 - 8	Risiko SEDERHANA – diurus dan diberi perhatian oleh pihak yang dipertanggungjawabkan
LOW	1 - 3	Risiko RENDAH – diuruskan mengikut prosedur sedia ada

Rumusan daripada Tahap dan Had Penerimaan Risiko di atas ialah seperti berikut:

- i) Pengkategorian tahap risiko dilaksanakan berdasarkan kepada kebarangkalian ia berlaku dan tahap impak sesuatu risiko ke atas keberhasilan sesuatu program atau projek.
- ii) Setiap program atau projek akan dinilai tahap risiko secara individu dan dikategorikan di bawah teras yang telah dikenalpasti sebelum dipuratakan nilainya.
- iii) Semakin tinggi hasil darab kebarangkalian dan impak risiko, maka semakin tinggi tahap risiko insiden risiko tersebut.
- iv) Skala Tahap Matrik akan menentukan tahap risiko dan kaedah mitigasi risiko yang bakal diambil.
- v) Insiden-insiden risiko dalam skala 1 hingga 8 merupakan risiko yang boleh diterima dan akan diuruskan dengan menggunakan mekanisme sedia ada; dan

vi) Insiden-insiden risiko dalam skala 9 hingga 25 merupakan risiko yang tidak boleh diterima dan berupaya menjelaskan penyampaian KPK. KPK perlu membangunkan strategi kawalan yang bersesuaian bagi menangani insiden-insiden risiko tersebut.

3.8 Strategi Kawalan Risiko

		IMPAK				
		TIADA KESAN	KECIL	SEDERHANA	BESAR	SANGAT BESAR
		1	2	3	4	5
5	HAMPIR PASTI	Cegah (5)	Cegah atau Mitigasi (10)	Cegah dan Mitigasi (15)	Cegah dan Mitigasi (20)	Cegah dan Mitigasi (25)
4	KEMUNGKINAN TINGGI	Cegah (4)	Cegah (8)	Cegah atau Mitigasi (12)	Cegah dan Mitigasi (16)	Cegah dan Mitigasi (20)
3	ADA KEMUNGKINAN	Mitigasi (3)	Cegah (6)	Cegah atau Mitigasi (9)	Cegah atau Mitigasi (12)	Cegah dan Mitigasi (15)
2	KEMUNGKINAN RENDAH	Mitigasi (2)	Cegah (4)	Cegah (6)	Cegah (8)	Cegah atau Mitigasi (10)
1	JARANG	Mitigasi (1)	Mitigasi (2)	Mitigasi (3)	Cegah (4)	Cegah (5)

Berdasarkan Had penerimaan Tahap Risiko yang dibincangkan sebelum ini, Jadual Strategi Kawalan Risiko yang berwarna oren dan merah memerlukan langkah-langkah pencegahan dan mitigasi selanjutnya.

3.9 Struktur Tadbir Urus Pengurusan Risiko dan Peranan

3.9.1 Struktur Tadbir Urus

Struktur tadbir urus Pengurusan Risiko KPK terdiri daripada dua komponen utama, iaitu Pasukan Pelaksana Pengurusan Risiko (PPPR) yang diketuai oleh *Risk Champion* yang akan melapor kepada Jawatankuasa Induk Pengurusan Risiko (JIPR) yang diterajui oleh *Chief Risk Officer* (CRO).



3.9.2 Peranan dan Tanggungjawab

a) Jawatankuasa Induk Pengurusan Risiko KPK

- i) Meluluskan Pelan Pengurusan Risiko KPK;
- ii) Memantau pelaksanaan Pengurusan Risiko KPK;
- iii) Mengadakan mesyuarat penyelarasan dengan Pasukan Pelaksana Pengurusan KPK sekurang-kurangnya sekali setahun;
- iv) Mengisyiharkan bencana/krisis di peringkat KPK; dan
- v) Meluluskan penambahbaikan atau perubahan kepada Pelan Pengurusan Risiko KPK melalui kajian semula mengikut keperluan.

b) Pasukan Pelaksana Pengurusan Risiko KPK

- i) Melaporkan isu-isu berkaitan pengurusan risiko;
- ii) Memastikan dasar-dasar pengurusan risiko dilaksanakan mengikut perancangan yang ditetapkan; dan
- iii) Memperakukan cadangan penambahbaikan pengurusan risiko kepada JIPR KPK; dan
- iv) Mengadakan mesyuarat pemantauan pengurusan risiko mengikut keperluan atau sekurang-kurangnya sekali setahun.

c) Chief Risk Officer (CRiO) - KSU

- i) Mempengerusikan Mesyuarat JIPR KPK;
- ii) Memantau dan menyelia pelaksanaan pengurusan risiko di KPK; dan
- iii) Merancang hala tuju pengurusan risiko KPK.

d) Risk Champion - SUBK (PSA)

- i) Mengetuai dan mempengerusikan PPPR KPK;
- ii) Meneliti semula laporan pemantauan pengurusan

- risiko peringkat Bahagian/Agensi dan Majlis di bawah KPK; dan
- iii) Mengesahkan dan meluluskan pelaksanaan dan pelaporan di peringkat Pasukan Pelaksana Pengurusan Risiko untuk diangkat kepada Pengurusan Atasan KPK.

e) Risk Officer – Wakil Bahagian

- i) Mengenal pasti insiden risiko, ancaman dan impak yang dihadapi di peringkat Bahagian/Agensi/Majlis;
- ii) Membangun, mengemas kini dan memantau pengurusan risiko Bahagian/Agensi/Majlis supaya sentiasa lengkap dan terkini;
- iii) Menilai, menganalisis, mengklasifikasikan dan mengenal pasti kebarangkalian dan impak risiko di peringkat Bahagian/Agensi/Majlis;
- iv) Mewakili dan mengetua Bahagian/Agensi/Majlis dalam menangani dan mengawal risiko di peringkat Bahagian/Agensi/Majlis;
- v) Mencadangkan kepada Pengurusan Atasan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan risiko KPK; dan
- vi) Melaporkan keputusan yang dibuat oleh PPPR kepada Bahagian/Agensi/Majlis untuk pelaksanaan.

f) Urus Setia Jawatankuasa Induk dan Pasukan Pelaksana Pengurusan Risiko

- i) Mengurusetiakan mesyuarat JIPR dan PPPR KPK;
- ii) Menyelenggarakan daftar risiko yang disediakan oleh PPPR;
- iii) Menyelaras dan menyusun profil risiko yang disediakan oleh PPPR;

- iv) Membantu PPPR dalam pemantauan tindakan pencegahan dan mitigasi risiko yang telah diluluskan bagi tujuan pelaporan kepada PPPR dan JIPR;
- v) Menyediakan takwim bagi kajian semula pengurusan risiko KPK; dan
- vi) Merangka dan melaksanakan program kesedaran dan latihan bagi meningkatkan kefahaman dan pengetahuan mengenai pengurusan risiko dalam kalangan warga KPK.

4. PENILAIAN RISIKO KPK

4.1 Senarai Insiden Risiko yang Menjejaskan Teras Pelan Strategik Kementerian

TERAS 1: KEMAMPANAN

BIL	INSIDEN RISIKO
1	Program pensijilan MSPO huluan dibatal dan ditarik balik
2	Perluasan kawasan tanaman sawit secara tidak terkawal
3	Program pensijilan MSPO hiliran dibatal dan ditarik balik
4	Bilangan Pemegang sijil <i>Chain Of Custody</i> (COC) yang rendah
5	Pelaksanaan program Biodiesel tidak berkesan
6	Pelaksanaan program pemasangan fasiliti pemerangkapan biogas tidak berkesan
7	Biojisim tidak diproses, sebaliknya dibiarkan mereput atau dibakar

TERAS 2: PRODUKTIVITI

BIL	INSIDEN RISIKO
1	Tanaman semula getah berskala besar tidak mencapai sasaran
2	Program mekanisasi yang dilaksanakan tidak menepati kriteria yang ditetapkan
3	Hasil pengeluaran koko menurun
4	Hasil pengeluaran lada menurun
5	Penggunaan buruh asing terlalu tinggi dalam sektor koko
6	Tanaman lada intensif buruh semasa musim menuai
7	Tujuan atau objektif R&D tidak tercapai
8	Projek R&D tidak dapat disiapkan mengikut tempoh masa dan kos yang ditetapkan
9	Penerimaan teknologi yang rendah sektor koko
10	Hasil penyelidikan lada tidak dikomersialkan

TERAS 3: PENJANAAN NILAI

BIL	INSIDEN RISIKO
1	Industri koko gagal bersaing dengan pengeluar utama koko dunia
2	Industri lada gagal bersaing dengan pengeluar utama lada dunia
3	Kemasukan biji koko kering import dari negara luar disekat
4	Penjanaan nilai produk berasaskan lada iaitu <i>food and non-food</i> kurang dalam pasaran
5	Kadar penerima gunaan teknologi automasi dan mekanisasi rendah

TERAS 4: PEMBANGUNAN PASARAN

BIL	INSIDEN RISIKO
1	Jumlah nilai eksport sektor kayu-kayan berkurangan
2	Produk koko negara gagal mendapat permintaan dari negara luar
3	Pengeluaran lada negara kurang mendapat permintaan dari negara luar
4	Diskriminasi terhadap produk berasaskan sawit
5	Nilai import biji koko kering lebih tinggi berbanding dengan nilai eksport koko negara
6	Peningkatan kadar import lada ke dalam negara
7	Kurang penyertaan dari usahawan baharu dalam menghasilkan produk hiliran untuk dieksport
8	Kalah persaingan eksport kepada negara pengeluar sawit dan minyak sayuran lain

TERAS 5: KETERANGKUMAN

BIL	INSIDEN RISIKO
1	Pendapatan pekebun kecil sektor sawit rendah
2	Pendapatan pekebun kecil sektor koko tidak meningkat
3	Pendapatan pekebun kecil sektor lada tidak meningkat
4	Pengurangan pekebun kecil sektor kenaf rendah
5	Pewujudan hub biojisim tidak direalisasikan
6	Pendapatan dan taraf hidup pekebun kecil getah tidak dapat ditingkatkan
7	Kalah persaingan pengeluaran kepada negara pengeluar sawit dan minyak sayuran lain
8	Pendapatan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) sektor sawit rendah
9	PMKS tidak mampu bersaing dalam pasaran perdagangan koko
10	PMKS tidak mampu bersaing dalam pasaran perdagangan lada
11	Penghasilan yang rendah oleh PMKS melibatkan produk biojisim Agrikomoditi
12	PMKS tidak mampu untuk kekal dalam industri (gagal mengadaptasi teknologi)
13	Projek PMKS tidak dilaksanakan untuk usahawan
14	PMKS Bumiputera sektor koko adalah terhad
15	PMKS Bumiputera sektor lada adalah terhad
16	Peratusan sumbangan PMKS terutama Bumiputera dalam industri perkayuan rendah
17	Penangguhan di dalam aktiviti pembinaan Pusat Pemprosesan Getah Krip Program TARGET
18	Sasaran peningkatan pendapatan peserta dan pekebun kecil getah tidak tercapai

TERAS 6: PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN BERKESAN

BIL	INSIDEN RISIKO
1	Cadangan penstrukturran/pengukuhan organisasi tidak diluluskan menjaskan tadbir urus Kementerian
2	Kegagalan pengoperasian Pusat Data KPK yang mengandungi aplikasi teras
3	Cadangan penstrukturran/pengukuhan organisasi tidak diluluskan menjaskan pemerkasaan modal insan
4	Penyertaan atau penganjuran program terpaksa ditangguhkan atau dibatalkan akibat pandemik
5	Pembinaan kapasiti pegawai tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna
6	Objektif penganjuran program turun padang dan libat urus Kementerian tidak tercapai
7	Publisiti program Kementerian tidak dapat dilaksanakan seperti yang dirancang
8	Kajian Kepuasan Pelanggan yang dilaksanakan tidak dapat mencapai sasaran 80%
9	Pelaporan Pencapaian Piagam Pelanggan tidak dapat diselaras sepenuhnya
10	Permohonan lesen perlu menunggu lama untuk mendapat kelulusan lesen
11	LGM tidak memperolehi data primer yang menyeluruh mengenai pengeluaran, produktiviti, harga getah dan bantuan pekebun kecil getah
12	Kegagalan untuk mendapatkan kerjasama dengan institusi latihan dan industri
13	Kursus dan latihan yang dijalankan tidak mengikut keperluan semasa industri yang berteraskan teknologi
14	Kursus jangka pendek tidak mendapat pengiktirafan di bawah akta sedia ada <i>Malaysian Qualifications Agency/ Jabatan Pembangunan Kemahiran (MQA/ JPK)</i>

4.2 Jadual Penilaian Risiko

Teras 1: Kemampanan

KOD	INDIKATOR	INSIDEN RISIKO	SEBAB	AKIBAT	Kebarangkalian (K)	IMPAK					Tahap Risiko (K)(I)	PIC	Tahap risiko warna
						(a) Manusia	(b) Reputasi	(c) Kewangan	(d) Operasi	Purata Impak (I)			
1.1.1	Meningkatkan keluasan disijilkan mampan di peringkat huluan	Program pensijilan MSPO huluan dibatal dan ditarik balik	(i) Pematuhan terhadap piawaian MSPO di peringkat huluan tidak dapat dipatuhi sepenuhnya seperti dokumentasi syarat pemilikan tanah, kesedaran terhadap keselamatan dan alam sekitar; (ii) Perubahan Dasar Kerajaan; (iii) Kurang kesedaran industri sawit huluan mengenai keperluan mandatori melaksanakan pensijilan MSPO; (iv) Kekurangan pegawai untuk berkomunikasi/ memberi khidmat nasihat kepada industri; dan (v) Kekangan kewangan untuk menjalankan latihan kepada industri	(i) Tidak mencapai 100% pensijilan MSPO daripada 98% yang telah dipersijilkan terkini; (ii) Minyak Sawit Mentah (MSM/CPO) yang dihasilkan dan di eksport tidak disijilkan mampan; (iii) Industri sawit tidak mencapai tahap piawaian kemampanan yang diterima pemegang taruh; (iv) Pembeli luar negara enggan membeli MSM yang tidak disijilkan mampan; dan (v) Tekanan luaran terhadap penerimaan kemampanan didalam penanaman kelapa sawit akan meningkat.	3	4	2	1	4	2.75	8	BISS MPOB MPOCC	Yellow
1.1.2	Meningkatkan fasiliti pengeluaran disijilkan mampan di peringkat hiliran.	Perluasan kawasan tanaman sawit secara tidak terkawal	Kelemahan pemantauan dan penguatkuasaan dasar kelestarian tanaman sawit	Reputasi industri sawit di peringkat antarabangsa terjejas	4	5	5	4	5	4.75	19	BISS MPOB MPOCC	Red

KOD	INDIKATOR	INSIDEN RISIKO	SEBAB	AKIBAT	Kebarangkalian (K)	IMPAK					Tahap Risiko (K)(I)	PIC	Tahap risiko warna
						(a) Manusia	(b) Reputasi	(c) Kewangan	(d) Operasi	Purata Impak (I)			
1.2.1	Meningkatkan fasiliti pengeluaran disijilkan mampan di peringkat hiliran	Program pensijilan MSPO hiliran dibatal dan ditarik balik	(i) Pematuhan terhadap piawaian MSPO oleh peringkat hiliran tidak dapat dipatuhi sepenuhnya seperti pematuhan terhadap undang-undang gagal dilaksanakan; (ii) Kurang kesedaran industri sawit hiliran mengenai keperluan mandatori melaksanakan pensijilan MSPO; (iii) Kekurangan pegawai untuk berkomunikasi/ memberi khidmat nasihat kepada industri; dan (iv) Kekangan kewangan untuk menjalankan latihan kepada industri.	(i) Tidak mencapai 100% pensijilan MSPO dan Rantaian bekalan pensijilan MSPO terhadap produk sawit terjejas; Minyak Sawit Mentah (MSM/CPO) yang dihasilkan dan di eksport tidak disijilkan mampan; (ii) Industri sawit tidak mencapai tahap piawaian kemampunan yang diterima oleh pemegang taruh; (iii) Pembeli luar negara enggan membeli MSM yang tidak disijilkan mampan; (iv) Tekanan luaran terhadap penerimaan kemampunan didalam penanaman kelapa sawit akan meningkat; (v) Fasiliti-fasiliti pemprosesan MSM atau produk hiliran sawit atau pengilang diluar negara tidak dapat memperolehi MSM yang disijilkan mampan; dan (vi) Logo MSPO tidak dapat diletakkan pada label produk sawit yang dijual di pasaran lokal maupun global.	3	5	5	1	4	3.75	11	BISS MPOB MPOCC	Yellow
1.2.2	Meningkatkan fasiliti pengeluaran disijilkan mampan di peringkat hiliran	Bilangan Pemegang sijil <i>Chain Of Custody</i> (COC) yang rendah	Kurang penglibatan syarikat	Menjejaskan akses pasaran hijau	4	2	4	4	2	3.00	12	KTK MTCC	Yellow

KOD	INDIKATOR	INSIDEN RISIKO	SEBAB	AKIBAT	Kebarangkalian (K)	IMPAK					Tahap Risiko (K)(I)	PIC	Tahap risiko warna
						(a) Manusia	(b) Reputasi	(c) Kewangan	(d) Operasi	Purata Impak (I)			
1.3.1	Mengurangkan jumlah pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG) bagi memelihara alam sekitar	Program Biodiesel Negara dengan potensinya yang tinggi dalam mengurangkan pelepasan GHG tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan	(i) Keperluan peruntukan yang tinggi untuk menaik taraf kemudahan pengadunan biodiesel di seluruh negara; (ii) Kempen anti-kelapa sawit oleh Kesatuan Eropah yang memberikan imej negatif kepada industri biodiesel berdasarkan sawit; dan (iii) Jurang sensitiviti harga yang besar antara minyak sawit mentah dengan diesel petroleum yang menjelaskan tahap penerimaan ke atas biodiesel dalam industri bahan api.	(i) Menjejaskan komitmen Malaysia (di peringkat kebangsaan dan antarabangsa) dalam memperkasakan Program Biodiesel Negara bagi menyumbang kepada pengurangan pelepasan GHG; (ii) Mewujudkan persepsi buruk di kalangan masyarakat tempatan dan antarabangsa terhadap industri biodiesel negara sekaligus menjadikan usaha Kerajaan dalam membantu mengurangkan pelepasan GHG; dan (iii) Meningkatkan beban subsidi bahan api lalu mewujudkan risiko Program Biodiesel Negara tidak diteruskan (sekaligus menjelaskan usaha Kementerian untuk menyumbang kepada pengurangan GHG).	2	3	2	1	1	1.75	4	BBA	Yellow
1.3.2	Mengurangkan jumlah pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG) bagi memelihara alam sekitar	Program pemasangan fasiliti pemerangkapan biogas kilang kelapa sawit bagi mengurangkan pelepasan GHG tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan	(i) Keperluan peruntukan yang tinggi bagi pemasangan fasiliti pemerangkapan biogas; (ii) Kekangan infrastruktur bagi membolehkan tenaga yang dijana daripada biogas dijual ke grid elektrik kebangsaan; dan (iii) Kekangan infrastruktur bagi membolehkan biogas yang dikumpul disalurkan dan dijual ke saluran paip gas kebangsaan.	(i) Bilangan kilang sawit yang memasang fasiliti pemerangkapan biogas tidak dapat dipertingkatkan dan ini menjadikan usaha untuk mengurangkan pelepasan GHG; dan Biogas yang telah diperangkap tidak menjana nilai tambah dan menjadikan pemasangan fasiliti pemerangkapan biogas sebagai suatu kerugian pelaburan. Hal ini akan mengurangkan minat pengusaha kilang kelapa sawit untuk memasang fasiliti pemerangkapan biogas.	3	4	2	1	1	2.00	6	BBA	Yellow

KOD	INDIKATOR	INSIDEN RISIKO	SEBAB	AKIBAT	Kebarangkalian (K)	IMPAK					Tahap Risiko (K)(I)	PIC	Tahap risiko warna
						(a) Manusia	(b) Reputasi	(c) Kewangan	(d) Operasi	Purata Impak (II)			
1.3.3	Mengurangkan jumlah pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG) bagi memelihara alam sekitar	Biojisim daripada sektor Agrikomoditi tidak diproses menjadi produk sekunder dalam kuantiti yang banyak, sebaliknya dibiarkan mereput atau dibakar dan menghasilkan GHG	Kekangan melibatkan peruntukan, tahap kesedaran dan kemampuan Agenzi Kerajaan untuk melaksanakan sepenuhnya konsep Ekonomi Kitaran dalam RMKE-12 dan Dasar Agrikomoditi Negara 2021-2030 (DAKN2030)	Menjejasikan komitmen Malaysia (di peringkat kebangsaan dan antarabangsa) dalam menyumbang kepada pengurangan pelepasan GHG.	2	1	1	1	1	1.00	2	BBA	Green

Teras 2: Produktiviti

KOD	INDIKATOR	INSIDEN RISIKO	SEBAB	AKIBAT	Kebarangkalian (K)	IMPAK					Tahap Risiko (K)(I)	PIC	Tahap risiko warna
						(a) Manusia	(b) Reputasi	(c) Kewangan	(d) Operasi	Purata Impak (I)			
2.1.1	Meningkatkan hasil pengeluaran komoditi per hektar	Tanaman semula berskala besar tidak mencapai sasaran. Kawasan tanaman semula tahunan kekal pada 10,000 - 15,000 hektar setahun	Peruntukan tahunan tanam semula daripada RISDA tidak mencukupi	Produktiviti tidak dapat ditingkatkan kerana pokok tua tidak dapat digantikan dengan klon getah berprestasi tinggi.	3	1	2	1	4	2.00	6	GET LGM	Yellow
2.1.2	Meningkatkan hasil pengeluaran komoditi per hektar	Program mekanisasi yang dilaksanakan tidak menepati kriteria yang ditetapkan	(i) Pengguna sebenar tidak dilibatkan dalam sesi penetapan keperluan (<i>requirement setting</i>); (ii) Sumber rujukan teknologi tempatan yang terhad; (iii) Kekurangan pakar bidang mekanisasi untuk membangunkan jentera dan mesin yang memenuhi keperluan industri kenaf; (iv) Proses ujilari mengambil masa dan terpaksa dilaksanakan berulang kali; dan (v) Kos pembangunan mesin dan jentera adalah tinggi.	(i) Pengurangan intensiti buruh tidak dapat dilaksanakan; (ii) Kos pengeluaran kenaf tidak dapat dikurangkan; dan (iii) Jentera dan mesin yang dihasilkan tidak memenuhi keperluan industri.	2	4	3	3	2	3.00	6	KTK LKTN	Yellow
2.1.3	Meningkatkan hasil pengeluaran komoditi per hektar	Hasil pengeluaran koko menurun	(i) Peningkatan kos input; (ii) Harga komoditi koko yang tidak konsisten; (iii) Serangan penyakit dan perosak; dan (iv) Faktor cuaca/musim.	(i) Pekebun akan tinggalkan kebun kerana kehilangan pendapatan; Negara kehilangan hasil; dan Malaysia bukan lagi pengeluar utama koko dunia.	2	4	3	3	3	3.25	7	IKL LKM	Yellow

KOD	INDIKATOR	INSIDEN RISIKO	SEBAB	AKIBAT	Kebarangkalian (K)	IMPAK					Tahap Risiko (K)(I)	PIC	Tahap risiko warna
						(a) Manusia	(b) Reputasi	(c) Kewangan	(d) Operasi	Purata Impak (I)			
2.1.4	Meningkatkan hasil pengeluaran komoditi per hektar	Hasil pengeluaran lada menurun	(i) Peningkatan kos input; (ii) Harga komoditi lada yang tidak konsisten; (iii) Serangan penyakit dan perosak; dan (iv) Faktor cuaca/musim.	(i) Pekebun akan tinggalkan kebun kerana kehilangan pendapatan; (ii) Negara kehilangan hasil; dan (iii) Malaysia bukan lagi pengeluar utama lada dunia.	2	4	3	3	3	3.25	7	IKL MPB	Yellow
2.2.1	Meningkatkan intensiti buruh per hektar tanah yang diusahakan	Penggunaan buruh asing terlalu tinggi dalam sektor koko	Pekebun tidak mahu gunakan teknologi kerana kos penggunaan mahal.	(i) Produktiviti tidak tercapai; (ii) Lambakan buruh asing; dan (iii) Kebergantungan kepada tenaga manusia semakin bertambah dan berlaku <i>force labour</i> (buruh paksaan).	2	4	4	2	3	3.25	7	IKL LKM	Yellow
2.2.2	Meningkatkan intensiti buruh per hektar tanah yang diusahakan	Tanaman lada adalah intensif buruh semasa musim menuai	Pekebun tidak mahu gunakan teknologi kerana kos penggunaan mahal.	Kebergantungan kepada tenaga manusia semakin bertambah dan berlaku force labour (buruh paksaan).	2	4	4	2	3	3.25	7	IKL MPB	Yellow
2.3.1	Meningkatkan kadar pemindahan/pelesenan dan pengkomersialan projek R&D	Tujuan R&D tidak tercapai	(i) Prosedur kerjasama penyelidikan yang tidak bersifat menyeluruh; (ii) Definisi dan kaedah penyediaan kos yang terlibat dalam penyelidikan tidak jelas; (iii) Gangguan faktor luar dankekangan yang dihadapi oleh rakan kerjasama; (iv) Tahap kesedaran dan kejujuran yang rendah; (v) Peruntukan R&D terhad; (vi) Perkongsian kos kerjasama penyelidikan yang tidak jelas; (vii) Pemilikan harta intelek yang tidak dimuktamadkan; (viii) Perubahan objektif dan halatuju dalam tempoh kerjasama; dan (ix) Sikap (integriti) mengambil peluang terhadap kelemahan rakan kerjasama.	(i) Penyelidikan R&D yang telah dilaksanakan tidak mencapai halatuju sebenar; (ii) Penyelidik tidak jelas mengenai rujukan dan tindakan yang perlu diambil sebelum kerjasama penyelidikan dimeterai; dan (iii) Tujuan penyelidikan R&D ke arah pengkomersialan tidak berjaya dicapai.	3	1	2	1	4	2.00	6	GET LGM	Yellow

KOD	INDIKATOR	INSIDEN RISIKO	SEBAB	AKIBAT	Kebarangkalian (K)	IMPAK					Tahap Risiko (K)(I)	PIC	Tahap risiko warna
						(a) Manusia	(b) Reputasi	(c) Kewangan	(d) Operasi	Purata Impak (I)			
2.3.2	Meningkatkan kadar pemindahan/ pelesenan dan pengkomersialan projek R&D	Projek R&D tidak dapat disiapkan mengikut tempoh masa dan hasil kajian tidak memenuhi objektif yang telah ditetapkan	(i) Peruntukan untuk R&D yang tidak mencukupi; (ii) Keperluan untuk memenuhi piawaian pasaran yang kompleks; (iii) Syarikat tidak berminat untuk mengkomersialkan hasil R&D; dan (iv) Pengkomersialan tidak berteraskan penyelesaian kepada isu dalam industri.	Produk berasaskan kenaf/ fiber bernilai tambah tinggi yang dihasilkan melalui projek R&D tidak dapat dikomersialkan sebagaimana perancangan.	2	2	3	3	2	2.50	5	KTK LKTN	Yellow
2.3.3	Meningkatkan kadar pemindahan/ pelesenan dan pengkomersialan projek R&D	Penerimaan teknologi yang rendah untuk sektor koko	Pekebun kecil koko yang terdiri daripada golongan penanam koko yang semakin tua (<i>ageing farmers</i>) yang masih bersikap tradisional dan adaptasi teknologi yang rendah.	Produktiviti rendah.	2	3	3	3	2	2.75	6	IKL LKM	Yellow
